



NEWSLETTER

DOSM/CTADR/4.2021/Siri 50

Disediakan oleh:
Core Team Analitik Data Raya (CTADR) dan
Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (BPTMS)

PEMBANGUNAN PANGKALAN DATA SEKTOR INFORMAL DAN INDUSTRI MIKRO (PDSIIM)

LATAR BELAKANG



Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi memutuskan pangkalan data berkaitan sektor informal dan industri mikro perlu dibangunkan.

Pangkalan data ini bertujuan bagi mengumpul maklumat **sektor informal** yang tidak dapat dikenal pasti dan mengambilkira juga **industri mikro** kerana sektor ini mudah terjejas dari segi pendapatan dan pekerjaan terutama ketika berlaku krisis ekonomi.

DOSM telah diberi mandat untuk membangunkan pangkalan data berkaitan Sektor Informal dan Industri Mikro di Malaysia. Data yang dikumpulkan ini dapat membantu kerajaan mengenal pasti individu dan syarikat yang terlibat bagi membolehkan bantuan disalurkan secara tepat dan berkesan.

TUJUAN PEMBANGUNAN (PDSIIM)

PDSIIM dibangunkan sebagai satu pangkalan data bersepada, pengumpulan maklumat dan profil individu atau peniaga yang terlibat dengan sektor informal dan industri mikro di Malaysia.

Pengemaskinian maklumat dan profil peniaga-peniaga ini diperoleh daripada kementerian/agensi pemegang taruh utama dari semasa ke semasa mengikut data terkini (*real time data*) dan secara berterusan.

Penyeragaman data dilaksanakan mengikut standard dan klasifikasi yang telah ditetapkan. Bertujuan untuk memudahkan kerajaan mengenal pasti dan menyalurkan bantuan kepada kumpulan sasaran melalui maklumat setempat yang dikumpulkan secara berkala dan konsisten.

DEFINISI SEKTOR INFORMAL

Definisi sektor informal yang digunakan bagi statistik rasmi yang diterbitkan oleh DOSM adalah berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh *International Labour Organization (ILO)* dengan merujuk kepada *Measuring Informality: A Statistical Manual on the Informal Sector and Informal Employment*.

KRITERIA SEKTOR INFORMAL


Kriteria utama sektor informal adalah petubuhan tidak berdaftar dengan mana-mana agensi seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), badan profesional dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta bilangan pekerja adalah kurang daripada 10 orang.

DEFINISI INDUSTRI MIKRO

Definisi industri mikro merujuk kepada perniagaan yang mempunyai hasil tahunan kurang daripada RM300,000 atau pekerja kurang daripada 5 pekerja.

Bagi tujuan pangkalan data ini, kedua-dua kategori ini diliputi iaitu Sektor Informal dan Industri Mikro bagi mewujudkan satu pangkalan data yang lengkap.


MAKLUMAT PROFIL INDIVIDU/PENIAGA SEKTOR INFORMAL & INDUSTRI MIKRO




INDIKATOR PDSIIM

1	Taburan Profil Perniagaan Sektor Informal dan Industri Mikro Mengikut Negeri;
2	Taburan Profil Perniagaan Sektor Informal dan Industri Mikro Mengikut Daerah Pentadbiran;
3	Taburan Profil Perniagaan Sektor Informal dan Industri Mikro Mengikut Pemilikan Wanita;
4	Taburan Profil Perniagaan Sektor Informal dan Industri Mikro Mengikut Pemilikan Bumiputera;
5	Taburan Profil Perniagaan Sektor Informal dan Industri Mikro Mengikut Kumpulan Umur;
6	Taburan Profil Perniagaan Sektor Informal dan Industri Mikro Mengikut Kumpulan Etnik;
7	Taburan Profil Perniagaan Sektor Informal dan Industri Mikro Mengikut Jantina;
8	Taburan Profil Perniagaan Sektor Informal dan Industri Mikro Mengikut Sektor;
9	Taburan Profil Perniagaan Sektor Informal dan Industri Mikro Mengikut Jenis Aktiviti Perniagaan;
10	Taburan Profil Potensi Perniagaan Sektor Informal Mengikut Negeri;
11	Taburan Profil Potensi Perniagaan Sektor Informal Mengikut Daerah Pentadbiran; dan
12	Taburan Profil Potensi Perniagaan Sektor Informal Mengikut Sektor.

SUMBER DATA PDSIIM



DAPATAN AWALAN STATISTIK SEKTOR INFORMAL DARI BOTSL 2021



Selangor merekodkan jumlah peniaga sektor informal tertinggi iaitu sebanyak **8,214** perniagaan atau individu diikuti oleh negeri Johor (6,849) dan Perak (3,432). Jumlah perniagaan sehingga November 2021 adalah **43,910**.

DAPATAN AWALAN PDSIM MENGIKUT JANTINA, 2021


Sebanyak **1,383,084** individu atau peniaga dari sektor informal dan industri mikro yang direkodkan pada tahun 2021. Daripada jumlah tersebut sebanyak **65.3%** adalah terdiri daripada syarikat perniagaan yang melibatkan perkongsian dan tidak dikelaskan mengikut jantina.



Sumber: DOSM dan Agensi Kerajaan Lain



DAPATAN AWALAN PDSIIM MENGIKUT KUMPULAN UMUR, 2021



Majoriti individu/peniaga adalah dari kumpulan umur 41 hingga 59 tahun iaitu sebanyak **122,527** orang. Daripada jumlah tersebut sebanyak **79.7%** adalah kategori syarikat yang melibatkan perkongsian dan tidak dikelaskan mengikut kumpulan umur.

Sumber: DOSM dan Agensi Kerajaan Lain

DAPATAN AWALAN PDSIIM MENGIKUT NEGERI, 2021



Selangor, WP Kuala Lumpur, Johor dan Perak menyumbang sebanyak **51.2%** daripada jumlah keseluruhan individu/peniaga terlibat di dalam sektor informal dan industri mikro di Malaysia.

Sumber: DOSM dan Agensi Kerajaan Lain




PEMBANGUNAN SISTEM SEKTOR INFORMAL DAN INDUSTRI MIKRO



DOSM sedang membangunkan Sistem SIIM berasaskan **responsive web** dengan tujuan membekalkan maklumat kepada kerajaan mengenai **profil individu/ peniaga/ pengusaha/pemilik** yang mudah terjejas akibat penularan Covid-19 bagi memudahkan kerajaan untuk **menyalurkan bantuan secara tepat dan berkesan**. Maklumat profil yang dibekalkan oleh beberapa agensi mempunyai isu seperti kekurangan medan maklumat yang diperlukan bagi penjanaan laporan dan tiada sistem pengkelasan yang standard.

Komponen sistem meliputi pengguna, antaramuka pengguna, pangkalan data dan output. Secara umumnya, sistem SIIM membenarkan pengguna (individu/peniaga/pengusaha/pemilik) memasukkan maklumat berkaitan perniagaan mereka manakala pentadbir sistem dapat melihat laporan yang dijanakan oleh sistem daripada data yang telah dimasukkan oleh peniaga. Input yang dimasukkan oleh peniaga ini di simpan di dalam pangkalan data yang seterusnya sistem akan menjana maklumat sama ada dalam bentuk jadual, teks mahupun *dashboard* bagi paparan pentadbir.



Melalui inisiatif ini, dijangka data yang diperoleh daripada pelbagai kementerian, agensi dan individu dapat diseragamkan mengikut kriteria yang telah ditetapkan. Pembersihan dan penyusunan data perlu dilakukan secara holistik supaya variabel yang digunakan adalah seragam dan menepati objektif penubuhan **PDSIIM** untuk membantu individu dan perniagaan yang terjejas dari segi bantuan kewangan serta peluang meningkatkan kemahiran dapat disalurkan oleh kerajaan dan memastikan **tiada kumpulan sasar tercicir** seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, terangkum dan inklusif.

PENAFIAN: Artikel ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara ad-hoc. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan artikel ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.